

Tabung Kasih@HAWANA dapat dana tambahan RM1j

PM umum
inisiatif bantu
petugas media
termasuk yang
sudah bersara

Kuching: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan penambahan RM1 juta kepada Tabung Kasih@HAWANA pada tahun depan.

Beliau menyampaikan khabar gembira itu pada majlis kemuncak Sambutan Hari Wartawan Nasional (HAWANA) 2024, di sini, semalam.

"Saya nak sambung sebab tahun lalu saya umum untuk Tabung Kasih@HAWANA RM1 juta, jadi saya akan terus dengan peruntukan RM1 juta untuk Tabung Kasih@HAWANA," katanya dalam ucapan perasmian.

Yang turut hadir, Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg; dua Timbalan Premier Sarawak iaitu Datuk Ammar Douglas Uggah Embas dan Datuk

Amar Dr Sim Kui Hian; Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Hal Ehwal Korporat, Penerangan dan Unit Komunikasi Awam Sarawak) Datuk Abdullah Saidol; Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil serta timbalannya, Teo Nie Ching.

Ketika merasmikan HAWANA 2023 di Ipoh, Perak, Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan RM1 juta untuk tabung berkenaan.

Terdahulu, Fahmi dalam ucapan alu-aluan berkata setakat ini, 102 bekas petugas dan pengamal media yang memerlukan bantuan sudah dibantu sejak inisiatif itu diperkenalkan tahun lalu.

Tabung Kasih@HAWANA diwujudkan sempena sambutan HAWANA 2023 bagi menyantuni wartawan dan petugas media yang masih berkhidmat atau sudah bersara, yang mengalami kezururan atau perlu bantuan.

Inisiatif Kementerian Komunikasi itu dilaksanakan menerusi BERNAMA bagi menyantuni wartawan dan petugas media sama ada yang masih berkhidmat atau sudah bersara.

Sementara itu, Fahmi juga mengumumkan kementerianya menerusi BERNAMA akan menampung caruman Pertubuhan

Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk pemberita sambilan yang berdaftar dengan pelbagai organisasi media di seluruh negara.

Caruman itu akan bermula 1 Julai ini dengan BERNAMA akan menanggung caruman bagi tempoh setahun pertama.

Beliau berkata, berdasarkan data Jabatan Penerangan, seramai 565 pengamal media yang berdaftar di seluruh negara adalah bertaraf sambilan.

Bagi menghargai pengorbanan pengamal media, kerajaan juga katanya memberi rebat bil telefon bagi pelan pascabayar.

"Bantuan yang dinamakan Insentif Rebat RAHMAH Pengamal Media itu akan dilaksanakan untuk tahun kedua pada Bulan Kebangsaan nanti.

"Mana-mana organisasi media berdaftar yang masih belum pelanggan kadar korporat yang ditawarkan oleh pengendali rangkaian mudah alih (MNO), boleh terus berhubung dengan pengendali MNO bagi mendapatkan kadar korporat khas untuk pengamal media bermula 1 Julai ini," katanya.

Sementara itu, Anwar turut meluangkan masa berjumpa de-

ngan beberapa wartawan asing yang menyertai Sambutan HAWANA 2024.

Perjumpaan selama kira-kira 15 minit itu turut dihadiri Abang Johari dan Fahmi.

Ketua biro Al Jazeera Kuala Lumpur Samer Fariq Mohamad Allawi yang turut serta da-



HARI WARTAWAN NASIONAL
SARAWAK, 25 - 27 MEI 2024

lam perjumpaan itu berkata, Perdana Menteri berkongsi pendapat mengenai beberapa topik, termasuk kebebasan media dan isu geopolitik.